

**UNDANG-UNDANG, PENTADBIRAN DAN  
PENGUNAAN LOGO *ḤALĀL*:  
KAJIAN KES DI SUMATERA UTARA,  
INDONESIA**

**FARID WAJDI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2014**

**UNDANG-UNDANG, PENTADBIRAN DAN  
PENGUNAAN LOGO *ḤALĀL*:  
KAJIAN KES DI SUMATERA UTARA,  
INDONESIA**

oleh

**FARID WAJDI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**September 2014**

## PENGHARGAAN

Syukur *Alhamdulillah* diucapkan kepada Allah SWT yang telah memberi kesempatan memperoleh rahmat dan karunia-Nya hingga tesis dapat diselesaikan.

Seterusnya selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad Rasulullah SAW yang telah menuntun umat manusia kepada agama *Islam rahmatan lil alamin*.

Disampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh dan Dr. Zakaria Bahari selaku penyelia dan penyelia bersama dalam penyelidikan dan penulisan tesis yang bertajuk Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal: Kajian Kes di Sumatera Utara, Indonesia. Semoga Allah SWT sentiasa memberi pahala ke atas curahan ilmu yang tidak pernah terhad. *Insha Allah* segala ilmu yang diajarkan dapat bermanfaat demi tegaknya syiar ajaran Islam dalam setiap aspek kehidupan manusia.

Pada kesempatan ini juga diucapkan penghargaan kepada kedua ayah dan bonda yang telah membesarkan dan mendidik tiada henti untuk kejayaan anak-anaknya. Tak lupa kepada isteri, anak-anak tercinta, sentiasa terus mendampingi dan mendorong dalam suasana penuh suka duka hingga tesis dapat diselesaikan. Demikian pula kepada (*Allahyarham*) Dr. Suhrawardi dan keluarga lainnya yang secara berterusan memberi semangat untuk menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah SWT memberi balasan yang baik dengan pahala yang berlimpah dan berkat.

Terima kasih dan penghargaan juga kepada para pensyarah, sahabat dan rakan (pelajar dan pegawai) di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM), dan semua pelajar ISDEV di Medan. Semoga segala bantuan dan kebaikan yang diberikan mendapat imbalan pahala daripada Allah SWT. Akhir sekali, kepada Bapak Dr. Agussani, MAP (Rektor UMSU) dan para Wakil Rektor Se-UMSU atas segala bantuan yang diberikan. Mudah-mudahan Allah SWT memberi berkat atas segala jerih payah semuanya.

Salam

Farid Wajdi

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	xi
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	xv
<b>ABSTRAK</b>	xvi
<i>ABSTRACT</i>	xviii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	2
1.2 Pernyataan Masalah	26
1.3 Objektif Kajian	28
1.4 Persoalan Kajian	28
1.5 Skop dan Batasan Kajian	30
1.5.1 Batasan Kajian	31
1.5.2 Batasan Responden Kajian	32
1.6 Definisi Operasional	32
1.6.1 Logo Halal	33
1.6.2 Undang-Undang	35

1.6.3	Pentadbiran	36
1.6.4	Penggunaan	38
1.7	Kepentingan Kajian	38
1.8	Organisasi Tesis	39
1.9	Kesimpulan	40
 <b>BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA</b>		 41
2.0	Pengenalan	41
2.1.	Kajian Lepas	41
2.1.1	Tanggungjawab Pengeluar	42
2.1.2	Pengaruh Logo <i>Halāl</i>	45
2.1.3	Perlindungan Pengguna	49
2.2	Sorotan Karya	56
2.2.1	Kegunaan Logo <i>Halāl</i>	59
2.2.2	Pengawasan Logo <i>Halāl</i>	69
2.2.3	Undang-Undang Logo <i>Halāl</i>	74
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	80
2.4.	Kesimpulan	82
 <b>BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN</b>		 84
3.0	Pengenalan	84
3.1	Rekabentuk Kajian	84
3.1.1	Jenis Penyelidikan	84
3.1.2	Pemilihan Logo <i>Halāl</i> Di Sumatera Utara, Indonesia	87
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	89
3.2.1	Pengumpulan Data Primer	89

3.2.1.1	Temu bual	90
3.2.1.2	Temu bual Dalam Suatu Majlis Kumpulan Responden	91
3.2.1.3	Kaedah Pemilihan Sampel	91
3.2.2	Pengumpulan Data Sekunder	94
3.2.2.1	Kajian Perpustakaan	94
3.2.2.2	Kajian Dokumen	96
3.3	Kaedah Penganalisan Data	97
3.4	Kesimpulan	101
 <b>BAB 4 ANALISIS UNDANG-UNDANG, PENTADBIRAN DAN PENGGUNAAN LOGO ḤALĀL DI SUMATERA UTARA, INDONESIA</b>		 103
4.0	Pengenalan	103
4.1	UU dan Peraturan Berkaitan dengan Logo <i>Ḥalāl</i>	103
4.2	Pentadbiran Logo <i>Ḥalāl</i>	113
4.2.1	Standardisasi Fatwa <i>Ḥalāl</i>	114
4.2.2	Kaedah Penetapan <i>Ḥalāl</i>	116
4.2.3	Proses Permohonan dan Pemeriksaan Sijil dan Logo <i>Ḥalāl</i>	119
4.2.4	Sistem Jaminan <i>Ḥalāl</i>	131
4.2.5	Institusi Pemeriksa	138
4.3	Penggunaan Logo <i>Ḥalāl</i>	142
4.3.1	Syarat Penggunaan Logo <i>Ḥalāl</i>	142
4.3.2	Tatacara Pemeriksaan Logo Halal	149
4.3.3	Sistem Pengawasan	152
4.3.4	Tempoh Sah laku Logo <i>Ḥalāl</i>	154
4.4	Kesimpulan	157
 <b>BAB 5 MEMPERKEMASKAN UNDANG-UNDANG LOGO ḤĀLĀL DI SUMATERA UTARA, INDONESIA</b>		 159
5.0	Pengenalan	159

5.1	Faktor Pemangkin Undang-Undang Logo <i>Halāl</i>	160
5.1.1	Keyakinan Agama	162
5.1.2	Asas Sosiologi-Peraturan Perundangan	168
5.1.3	Faktor Falsafah-Psikik Politik (Psycho-Political Philosophy) Masyarakat	173
5.1.4	Manfaat Ekonomi Logo <i>Halāl</i>	177
5.1.5	Globalisasi dan Perniagaan Bebas	182
5.2	Faktor Penghalang Undang-Undang Logo <i>Halāl</i>	188
5.2.1	Prosedur Pengurusan Logo <i>Halāl</i>	189
5.2.2	Ketiadaan Standard Logo <i>Halāl</i>	194
5.2.3	Kurangnya Bilangan Pegawai	196
5.2.4	Kurangnya Kesedaran tentang Logo <i>Halāl</i>	197
5.2.5	Kos Pentadbiran Logo <i>Halāl</i>	199
5.3	Pendekatan untuk Memperkemarkan Penggunaan Logo <i>Halāl</i>	202
5.3.1	Menggubal UU Logo <i>Halāl</i>	203
5.3.2	Mengukuhkan Institusi Pemeriksa <i>Halāl</i>	211
5.3.3	Memperkemas Mekanisme Pentadbiran	214
5.3.4	Pengawasan Sijil dan Logo <i>Halāl</i>	217
5.3.5	Usaha Memasyarakatkan Logo <i>Halāl</i>	221
5.4	Kesimpulan	226
<b>BAB 6 PENUTUP</b>		228
6.0	Pengenalan	228
6.1	Ringkasan Dapatan Kajian	228
6.2	Implikasi Kajian	232
6.2.1	Menggubal UU Logo <i>Halāl</i> di Sumatera Utara, Indonesia	232
6.2.2	Meneroka Kaedah Pembiayaan	233
6.2.3	Sumbangan Kepada Ilmu Pengetahuan	234
6.2.4	Meneroka Institusi Pemeriksa Produk <i>Halāl</i>	234
6.3	Cadangan Kajian Masa Hadapan	235
6.4	Kesimpulan	236

<b>SENARAI BIBLIOGRAFI</b>	237
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	251
Lampiran 1 SENARAI TEMU BUAL	251
Lampiran 2 SENARAI SOALAN	252

## SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.1	Persamaan dan Perbezaan Antara Halal dan <i>Kosyer</i>	20
Jadual 1.2	Objektif Kajian dan Persoalan Kajian	29
Jadual 3.1	Profil Kelulusan Akademik Responden Pakar	94
Jadual 3.2	Hubungan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan	100
Jadual 4.1	UU dan Peraturan Berkaitan dengan Logo <i>Halāl</i>	105
Jadual 4.2	Tempoh Proses Pengeluaran Permit <i>Halāl</i>	130
Jadual 6.1	Ringkasan Dapatan Kajian	231

## SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	82
Rajah 2.2	Lompang Kajian Lepas dan Sorotan Karya	82
Rajah 3.1	Model Analisis Data	100
Rajah 4.1	Prosedur Permohonan dan Pemeriksaan Sijil <i>Halāl</i>	122
Rajah 4.2	Proses Pembinaan Produk <i>Halāl</i>	124
Rajah 4.3	Tugas Pengawasan Produksi <i>Halāl</i>	126
Rajah 4.4	Aliran Kerja Menerima dan Meluluskan Permohonan	129
Rajah 4.5	Sistem Jaminan <i>Halāl</i>	134
Rajah 4.6	Gambar Logo <i>Halāl</i> Di Sumatera Utara, Indonesia	146
Rajah 4.7	Gambar Logo Halal Di Berbagai Negara	148
Rajah 4.8	Sistem Pengawasan Produk <i>Halāl</i>	153
Rajah 4.9	Tempoh Sah Berlaku Logo <i>Halāl</i>	155
Rajah 4.10	Analisis Logo <i>Halāl</i>	157
Rajah 5.1	Pemangkin UU Logo <i>Halāl</i>	160
Rajah 5.2	Faktor Penghalang UU Logo <i>Halāl</i>	189
Rajah 5.3	Pendekatan Untuk Memperkemaskan Penggunaan Logo <i>Halāl</i>	203
Rajah 5.4	Penyempurnaan Proses Permohonan Produk <i>Halāl</i>	215
Rajah 5.5	Pelaksanaan Pengawasan Makanan	220
Rajah 5.6	Analisis Usaha Memperkemaskan Undang-Undang Logo <i>Halāl</i>	226

## SENARAI KEPENDEKAN

AFIC	= <i>The Australian Federation on Islamic Council Inc.</i>
AHI	= Auditor <i>Halāl</i> Internal
ASEAN	= <i>Association of Southeast Asian Nations,</i>
AFTA	= <i>Asean Free Trade Area</i>
AQIS	= <i>Australian Quarantine and Inspection Service</i>
BAHEIS	= Bahagian Hal Ehwal Islam
BIMAS	= Bimbingan Masyarakat
BPHN	= Badan Pembinaan Hukum Nasional
BPKN	= Badan Perlindungan Konsumen
BPOM	= Badan Pengawasan Obat dan Makanan
CAC	= <i>Codex Alimentarius Commission</i>
CPMB	= Cara Produksi Makanan yang Baik
DIRJEN	= Direktur Jenderal
DITJEN	= Direktorat Jenderal
DPR	= Dewan Perwakilan Rakyat
DUN	= Dewan Undangan Negara
DSN	= Dewan Syariah Nasional
DNA	= <i>Deoxyribonucleic Acid</i>
FAO	= <i>Food and Agriculture Organization</i>
FIANZ	= <i>Federation of Islamic Association of New Zealand</i>
FORMALA	= Forum Masyarakat Peduli Halal
GATT	= <i>General Agreement on Tariff and Trade</i>
GMP	= <i>Good Manufacturing Practies</i>
GUPPI	= Gerakan Usaha Pembaharuan Pendidikan Islam
HACCP	= <i>Hazard Analysis Critical Control Point</i>

HDC	= <i>Halal Industry Development Cooperation</i>
HrACCP	= <i>Haram Analysis Critical Control Point</i>
HIDC	= <i>Halal Industry Development Corporation</i>
HCS	= <i>Halal Certificate Services Ltd</i>
HMA	= <i>Halal Monitoring Authority</i>
HFFF	= <i>Halal Food and Feed Foundation</i>
HR	= Hadis Riwayat
IFANCA	= <i>Islamic Food and Nutrition Council of America</i>
JAKIM	=Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIN	= Jabatan Agama Islam Negeri
JMA	= <i>Japan Moslem Association</i>
JO	= <i>Juncto</i>
KAN	= <i>Komite Akreditasi Nasional</i>
KEMENAG	= Kementerian Agama
KEMENKES	= Kementerian Kesehatan
KHEU	= Kementerian Hal Ehwal Ugama
KTT	= Konferensi Tingkat Tinggi
LP. POM	= <i>Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia</i>
MABIMS	= <i>Majlis Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura</i>
MAIN	= Majlis Agama Islam Negeri
MD	= Makanan Dalam
ML	= Makanan Luar
MEE	= Masyarakat Ekonomi Eropah
MENAG	= Menteri Agama
MENKES	= Menteri Kesehatan

MoU	= <i>Memorandum of Understanding</i>
MWL	= <i>Muslim World League</i>
MUI	= Majelis Ulama Indonesia
MUNAS	= Musyawarah Nasional
MUIS	= Majelis Ugama Islam Singapura
NZIMM	= <i>New Zealand Islamic Meat Industry Association</i>
NAFTA	= <i>The North American Free Trade Agreement</i>
NO	= Nombor
NU	= Nahdatul Ulama
PERSIS	= Persatuan Islam
Permenkes	= Peraturan Menteri Kesehatan
PKK	= Pembinaan Kesejahteraan Keluarga
PP	= Peraturan Pemerintah
RA	= <i>RadiyahLah 'anh</i>
RI	= Republik Indonesia
PTDI	= Pendidikan Tinggi Dakwah Islam
RUU	= Rancangan Undang-Undang
RUU JPH	= Rancangan Undang-Undang Jaminan Produk Halal
SISIR	= <i>Singapore Institute of Standard and Industrial Research</i>
SJH	= Sistem Jaminan Halal
SAW	= <i>SallalLah 'alayh wa Sallam</i>
SKB	= Surat Keputusan Bersama
SWT	= <i>Subhānahu Wa Ta'ala</i>
UU	= Undang-Undang
UUD	= Undang-Undang Dasar
WHC	= <i>World Halal Council</i>
WHO	= <i>World Health Organization</i>

WTO = *World Trade Organization*  
YARSI = Yayasan Rumah Sakit Islam  
YLKI = Yayasan Lembaga Konsumen Indonesia

## PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
'	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ṭ	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	ā	آ	ay	أَيَّ
i	ِ	ī	إِي	aw	أَوْ
u	ُ	ū	أُو		

Sumber: Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

# UNDANG-UNDANG, PENTADBIRAN DAN PENGGUNAAN LOGO *ḤALĀL*: KAJIAN KES DI SUMATERA UTARA, INDONESIA

## ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal di Sumatera Utara, Indonesia. Secara khusus kajian ini mempunyai 3 (tiga) objektif kajian. Pertama, mengenal pasti kedudukan Undang-Undang, pentadbiran dan penggunaan logo halal di Sumatera Utara, Indonesia. Kedua, menganalisis faktor pemangkin dan penghalang Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo Halal di Sumatera Utara, Indonesia. Ketiga, membina saranan untuk memperkemaskan Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo *ḥalāl* di Sumatera Utara, Indonesia.

Untuk menjawab ketiga-tiga objektif itu, kajian perpustakaan dan kajian lapangan dijalankan. Kajian perpustakaan dilaksanakan untuk memperoleh data sekunder berkaitan analisis Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo *Ḥalāl*. Kajian lapangan dilaksanakan untuk memperoleh data primer berkenaan usaha memperkemaskan Undang-Undang, Pentadbiran dan Penggunaan Logo *Ḥalāl*. Kajian lapangan diamalkan melalui temu bual dengan para pakar dan kajian dokumentasi. Data sekunder dan data primer yang didapatkan dianalisis secara kualitatif.

Kajian ini menghasilkan dapatan bahawa semua peruntukan sedia ada di bawah Undang-Undang dan peraturan berkaitan dengan logo *ḥalāl* di Sumatera Utara, Indonesia, belum mencukupi. Sekiranya berkaitan dengan proses pentadbiran halal

perlu melibatkan antara BPOM, Kementerian Agama dan MUI. Untuk masa hadapan, Kementerian Agama dan LPPOM sebagai institusi keagamaan mesti diberi peranan yang lebih besar. Di Indonesia pentadbiran yang masih berlaku sehingga kini bahawa pengeluar bebas dan boleh mempamerkan logo halal sesuai reka bentuk logo, atau warna yang diinginkan pengeluar. Oleh sebab, setakat ini belum ada kewajiban untuk menggunakan logo halal secara standard.

Landasan Undang-Undang dalam pentadbiran logo halal terdapat kepada pelbagai Undang-Undang dan peraturan berkaitan. Proses pentadbiran logo *ḥalāl* telah diamalkan sesuai dengan ketetapan yang ada, tetapi perlu ada penyempurnaan, kerana prosedur yang telah wujud telah menimbulkan pelbagai kesukaran. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai pemangkin untuk menggubal Undang-Undang Logo *Ḥalāl*. Selain itu, ada pula penghalang dalam usaha menggubal Undang-Undang Logo *Ḥalāl*. Kajian ini memberi implikasi diperlukannya usaha untuk menggubal Undang-Undang, pentadbiran dan penggunaan logo *ḥalāl*, sama ada dengan mengukuhkan institusi pemeriksa dan memperkemas mekanisme pentadbiran logo *ḥalāl* tersebut. Strategi lain yang mesti diambil kira ialah dengan membaiki pengawasan sijil *ḥalāl* dan memasyarakatkan logo *ḥalāl*.

# **LAWS, ADMINISTRATION AND THE USE OF HALAL LOGO: THE CASE OF NORTH SUMATERA, INDONESIA**

## **ABSTRACT**

The study is related to laws, administration and the use of halal logo in North Sumatera, Indonesia. The study has three objectives. Firstly, to identify the position of halal laws, administration and the application of halal logo in Indonesia. Second, to analyse the supporting and inhibiting factors of laws, administration and the use of halal logo in Indonesia. Thirdly, to propose a streamline laws, administration and the use of halal logo in North Sumatera, Indonesia.

Library research and field research are conducted to obtain those three objectives. Library research is applied to obtain secondary data, while field research is to get primary data that is used to streamline laws, administration and the use of halal logo. Field research is conducted through expert interview, observation and documentation study. Qualitative method is applied in processing primary and secondary data.

The study reveals that there is not sufficient laws nor regulation addresses halal logo in North Sumatera, Indonesia. Lawful administrative process of halal logo by involving the cooperation of food and drug regulatory board (BPOM), Ministry of religion, and Moslem Scholars Assembly of Indonesia (MUI). There should be a stronger role of food and drug regulatory board (BPOM) and Ministry of religion in halal logo arrangement in the future for every producers can set freely halal logo in

their own form, colour, size, types of writing and material. All these things happen because there is no obligation to use the standard halal logo.

There are various laws and regulations related to legal administration of halal logo. The administrative process of halal logo still need to be completed for the existing procedure has caused many difficulties in practise. The study find out that there are various ways in generating halal laws as well as the obstacle to draft halal logo laws. This study implies the efforts to enact the law, administration and use of the halal logo, either by strengthening the institutional inspector or streamline the administrative mechanism of the halal logo. Other strategies that need be considered is the improvement of halal certificate supervision and socialization of halal logo.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan bahawa logo *ḥalāl* merupakan satu perkara yang sangat penting. Ia berperanan memberi panduan kepada pengguna untuk memilih produk *ḥalāl*, suci dan bersih di sisi Islam. Tanpa logo *ḥalāl*, makanan dan barangan *ḥarām* tidak boleh dikenali pengguna. Pengeluar sengaja atau tidak, mungkin tidak pula memberi maklumat produk itu secara jujur (Anton Apriyantono dan Nurbowo, 2003:7). Tambahan lagi, pada masa moden ini banyak didapati bahan produk makanan dan barangan lainnya adalah hasil produk rekayasa genetik yang dapat menimbulkan kebimbangan berkenaan *ḥalāl-ḥarāmnya*.

Pengguna Islam masa kini, semakin sukar berdepan dengan masalah produk makanan dan barangan untuk keperluan harian. Siapa yang boleh menjamin makanan dan barangan hasil rekayasa genetik yang ada semasa ialah *ḥalāl* digunakan oleh umat Islam? (Tim Kerja Perencanaan Pembangunan Hukum Nasional tentang Teknologi Pengolahan Produk *Ḥalāl*, 2007:12).

Pentingnya memiliki sijil *ḥalāl*<sup>1</sup> dan logo *ḥalāl*<sup>2</sup> adalah untuk memenuhi hak masyarakat. Hak masyarakat untuk memastikan makanan dan barangan yang

---

<sup>1</sup> Sijil *ḥalāl* ialah fatwa bertulis Majlis Ulama Indonesia (MUI) yang menyatakan *ḥalālnya* suatu produk sesuai *syarak*. Sijil *ḥalāl* merupakan syarat untuk mendapatkan keizinan menyenaraikan logo *ḥalāl* ke atas bungkusan produk daripada institusi kerajaan yang berautoriti (Aisjah Girindra, 2005:123).

<sup>2</sup> Logo *ḥalāl* ialah maklumat bertulis yang merupakan bahagian yang tidak terpisahkan daripada setiap bungkusan produk yang ditunjukkan ke atas logo bungkusan sebagai jaminan bahawa produk dalam

dikehendaknya, tidak mengandung bahan atau perlakuan yang tidak diizinkan agama atau *ḥarām*. Perkara itu selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Maka hendaklah manusia itu memperhatikan makanannya (*Abasa'*, 80:24).

Oleh itu, di mana dan bila sahaja seorang Muslim hendaknya mesti mampu membezakan bentuk serta jenis produk makanan dan barangan yang digunakannya. Kajian ini berhasrat meneliti sejauh mana kedudukan UU, pentadbiran dan penggunaan logo *ḥalāl* di Sumatera Utara, Indonesia.

## 1.1 Latar Belakang

Ajaran Islam sangat mementingkan kebaikan dan kebersihan dalam semua aspek. Misalnya daripada segi makanan<sup>3</sup> atau barangan<sup>4</sup> dan penggunaannya, Islam memerintahkan umatnya agar memakan dan menggunakan bahan-bahan yang baik, suci dan bersih. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia, makanlah yang *ḥalāl* lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah *syaitan*, kerana sesungguhnya *syaitan* itu adalah musuh yang nyata bagimu (al-Baqarah, 2:168).

Sesungguhnya Allah SWT mengasihi mereka yang bertaubat dan mengasihi mereka yang menyucikan diri (al-Baqarah, 2:222).

---

bungkusan tersebut tidak mengandungi unsur *ḥarām* untuk dimakan atau digunakan oleh umat Islam selari dengan pensyaran *ḥalāl* (Bagian Projek Sarana dan Prasarana Produk *Ḥalāl*, Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji, Departemen Agama, 2003:134, Kepmenkes No. 82/Menkes/SK/I/1996).

<sup>3</sup> Makanan (*at-ṭa'ām, al-aṭ'imah*) ialah segala apa yang boleh dimakan oleh manusia; sesuatu yang boleh menghilangkan rasa lapar (Modul Pelatihan Auditor Internal *Ḥalāl*, 2003:90).

<sup>4</sup> Barangan ialah setiap benda baik berwujud mahupun tidak berwujud, baik bergerak mahupun tidak bergerak, boleh dihabiskan mahupun tidak boleh dihabiskan, yang boleh untuk diperniagakan, dipakai, dipergunakan, atau dimanfaatkan oleh pengguna (Pasal 1 angka 4 UU Nombor 8 Tahun 1999 tentang Perlindungan Pengguna, Undang-Undang Perlindungan Konsumen, Jakarta: Sinar Grafika, 2011).

Al-Quran dan Hadis sebagai sumber hukum umat Islam, telah membuat pengawasan jelas dan terang bahawa ada makanan dan barangan lainnya yang *ḥalāl* digunakan. Walaupun demikian, sebaliknya ada makanan dan barangan lainnya yang *ḥarām* digunakan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah SWT hanya meng*ḥarām*kan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan yang disembelih dengan nama selain Allah SWT (al-Baqarah, 2:173).

Di*ḥarām*kan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah SWT, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh ditanduk, dan yang diterkam haiwan buas, terkecuali kamu sempat menyembelihnya (al-Ma'idah, 3:3).

Berkenaan dengan ajaran Islam, setiap Muslim wajib menyelidiki dan prihatin terhadap makanan dan barangan yang akan dinikmatinya. Makanan yang dimakan bukan sekadar menjadi *najis*<sup>5</sup> semata. Makanan juga diserap dan di metabolisme ke dalam sistem penghadaman dan beredar ke seluruh bahagian tubuh, termasuk otak dan jantung. Bahkan, sebelum memutuskan sama ada sesuatu makanan dan barangan itu layak dimakan atau tidak, perlu dipertimbangkan lebih daripada sekadar *ḥalāl* atau *ḥarām*. Allah SWT berfirman:

Ia meng*ḥalāl*kan kepada mereka segala yang baik dan dan meng*ḥarām*kan kepada mereka segala yang kotor (al-A'raf, 7:157).

Maka makanlah yang *ḥalāl* lagi baik dari rezeki yang telah diberikan oleh Allah SWT kepadamu (an-Nahl, 16:114).

Wahai *Rasul-Rasul*, makanlah dari makanan yang baik-baik, dan kerjakanlah amal yang *soleh* (al-Mukminun, 23:51).

---

<sup>5</sup>*Najis* ialah sesuatu yang kotor menurut ajaran Islam termasuk akibat sentuhannya. Misalnya, bangkai haiwan yang berdarah, darah, babi, anjing, minuman keras, nanah, dan lain-lain (Modul Pelatihan Auditor Internal *ḥalāl*, 2003:136, Haya Mobarok Al-Barik, 2006:32).

Perkara makanan *ḥalāl*<sup>6</sup> lagi baik ditegaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman, makanlah daripada benda-benda yang baik (yang *ḥalāl*) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah SWT sekiranya betul kamu hanya beribadah kepada-Nya (al-Baqarah, 2:286).

Dan makanlah makanan yang *ḥalāl* lagi baik dari apa yang Allah SWT telah rezezikikan kepadamu dan bertakwalah kepada Allah SWT yang kamu beriman kepada-Nya (al-Maidah, 5:88).

Daripada ketetapan Allah SWT boleh dinyatakan bahawa makanan dan barangan yang dimakan, turut membabitkan kebersihan batiniyah. Kebersihan lahir dan batin perlu diutamakan dalam kehidupan Muslim, kerana kedua-dua faktor itu amat disukai Allah SWT (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006:12-13).

Seterusnya makin lama manusia akan boleh membuktikan secara ilmiah bahawa makanan yang bersumber daripada makanan dan barangan yang *ḥalāl* dan diproses secara *ḥalāl* akan baik bagi kesihatan fizikal dan psikiknya (Thobieb Al-Asyhar, 2003:151). Asasnya bahawa kebersihan yang dituntut tidak terhad kepada kebersihan lahiriah semata.

Oleh itu, Imam al-Ghazali (2007:8) berpendapat perlu mengadakan bimbingan dan kajian untuk menemukan perbezaan perkara *ḥalāl*,<sup>7</sup> *mubah*,<sup>8</sup> *syubhah*,<sup>9</sup> *makruh*,<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup> Makanan yang *ḥalāl* ialah semua jenis makanan yang tidak mengandungi unsur atau bahan yang terlarang atau *ḥarām* atau diolah atau diproses menurut Agama Islam (Keputusan bersama Menteri Kesihatan dan Menteri Agama No. 427/Men.Kes/ksb/VIII/1985 dan No. 68 Tahun 1985 Pasal 1 melalui [www.bappenas.go.id](http://www.bappenas.go.id), diakses pada tarikh 11 November 2013).

<sup>7</sup> *Ḥalāl* boleh diterjemahkan sebagai sesuatu yang dapat dilakukan kerana bebas atau tidak terikat dengan ketetapan-ketetapan yang melarangnya. *Ḥalāl* dapat juga diertikan sebagai segala sesuatu yang bebas daripada bahaya duniawi dan *ukhrawi* yang lepas daripada ikatan larangan, dan diizinkan oleh pembuat syariat untuk diamalkan (Yusuf Qardhawi, 2002:13).

*ḥarām*,<sup>11</sup> berdasarkan pembuktian dan penjelasan. Bimbingan dan kajian diperlukan kerana kesempitan untuk memperoleh makanan dan barangan tidak boleh menjadi alasan untuk tidak mencari kebenaran. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*Ḥalāl* itu jelas dan *ḥarām* pun jelas, namun antara keduanya terdapat hal-hal yang *syubhah* (tidak jelas *ḥalāl* dan *ḥarāmnya*). Sesiapa yang menghindari *syubhah* kerana takut berdosa bererti ia bersungguh-sungguh mengelakkan perkara *ḥarām*, dan sesiapa yang berani berbuat *syubhah*, ia hampir jatuh kepada perkara *ḥarām* (al-Bukhari, nombor hadis 2051).

Setiap Muslim wajib memastikan status *ḥalāl* makanan dan barangan yang akan dimakannya. Sebelum makan sesuatu makanan, setiap Muslim sudah mesti sangat yakin (*haqqul yakin*) mengenai status *ḥalālnya*. Imam al-Ghazali (2007:12) menegaskan bahawa terdapat kewajiban untuk mencari pengetahuan berkenaan *ḥalāl* dan *ḥarām*. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Barang siapa mencari rezeki *ḥalāl* untuk menafkahi keluarganya, ia laksana *mujahid* di jalan Allah SWT. Barang siapa mencari harta *ḥalāl* untuk menjaga diri daripada *keḥarāman*, ia berada kepada derajat *syuhada* (al-Thabrani, nombor hadis 13927).

Menuntut yang *ḥalāl* itu wajib atas setiap Muslim (Ibnu Mas'ud, nombor hadis 8610).

Seorang Muslim, tidak dibenarkan memakan sesuatu hidangan makanan, sebelum ia tahu benar akan status *ḥalālnya*. Memakan yang *ḥarām* atau yang ia belum tahu

---

<sup>8</sup> *Mubah* atau boleh diertikan sebagai sesuatu yang tidak dilarang mahupun tidak dianjurkan penggunaannya (Sri Nuryati, 2008:21).

<sup>9</sup> *Syubhah* iaitu setiap perkara/persoalan yang tidak begitu jelas antara *ḥalāl* dan *ḥarāmnya* bagi manusia. Hal ini boleh berlaku mungkin kerana tidak jelasnya dalil dan jalan untuk menetapkan dalil yang wujud terhadap suatu kes (Imam al-Ghazali, 2002:38).

<sup>10</sup> *Mākrūh* bererti dibenci atau tidak dianjurkan. Sesuatu yang *makruh* lebih baik ditinggalkan, kerana lebih dekat ke *ḥarām* daripada ke arah *ḥalāl* (Mohammad Jauhar, 2009, Sri Nuryati, 2008:22).

<sup>11</sup> Lawan daripada *ḥalāl* ialah *ḥarām*. *Ḥarām*, ialah sesuatu yang dilarang oleh pembuat *syariat* dengan larangan yang pasti, orang yang melanggarnya akan dikenai hukuman di akhirat dan adakalanya dikenai hukuman di dunia (Yusuf Qardhawi, 2002:13).

status *ḥalāl*nya, akan memberi kesan buruk, baik di dunia mahupun di akhirat.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Tinggalkanlah sesuatu yang meragukanmu, dan ambillah yang tidak meragukanmu (al-Nasa'i, Al-Tirmidzi, dan al-Hakim, nombor hadis 7494).

Baguskanlah makananmu, niscaya Allah SWT menerima doa mu (al-Thabrani daripada Ibn Abbas, nombor hadis 6495).

Dimaksudkan dengan mencari harta *ḥalāl* untuk menjaga diri, tidak hanya setakat memperhatikan makanan dan barangan mengandungi unsur *ḥarām*. Menurut Imam al-Ghazali (2002:82-83), semua makanan *ḥarām* itu ialah *ḥarām* dalam kondisi normal. Adapun pada kondisi darurat, ia memiliki hukumnya sendiri. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (al-Baqarah, 2:173).

Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (al-Ma'idah, 5:3).

Allah SWT telah memperinci apa-apa yang di*ḥarām*kan untuk kalian kecuali manakala kalian dalam keadaan terpaksa (al-An'am, 6:199).

Ayat ini, menurut 'Abdul Hamid Mahmud Thihmaz (2001) merupakan dalil yang *qath'i* mengenai pentingnya menetapkan *ḥalāl* dan *ḥarām*.

Ketetapan itu penting kerana perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi serta perubahan sosial yang begitu cepat menyebabkan perubahan pula dalam jenis dan bentuk makanan dan barangan yang diminta pengguna (LP. POM, 2005:26). Oleh

itu, pada hakikatnya banyak produk makanan moden yang diproses dan ternyata memberi kesan buruk terhadap kesihatan (Imam Masykoer Alie, 2003:59).

Imam Masykoer Alie (2003:1-63) menggambarkan bahawa betapa kompleksnya produk makanan dan barangan di masa kini, kerana asal usul bahan makanan melalui proses penghasilan yang sukar, termasuk penentuan asal bahannya. Jadi, penetapan *ḥalāl* suatu produk menjadi agak sukar dan memerlukan peranan ilmuwan Islam bekerjasama dengan para ilmuwan untuk mengkaji asal usul bahan dan proses pembuatannya. Oleh itu, *ḥalāl* atau *ḥarām* ke atas produk sangat sukar dibezakan, baik dalam kalangan para pakar apalagi bagi kalangan orang umum.

Untuk menghindari perkara demikian, pengguna mesti pandai untuk memilih produk makanan itu. Caranya adalah memperhatikan secara saksama kepada bungkusan produk makanan di pasaran, umat boleh terhindar daripada produk makanan dan barangan yang tidak diinginkan (Fadhlan Mudhafier dan HAF Wibisono, 2005:161).

Daripada mengikuti ajaran Islam, makanan merupakan tolok ukur daripada segala cerminan penilaian awal yang boleh mempengaruhi berbagai bentuk perilaku seseorang. Makanan tidak sekadar sarana memenuhi keperluan secara lahiriah, tetapi juga merupakan bahagian daripada keperluan rohani yang mutlak untuk dilindungi.

Abu Dzar Al Qilmani (2003:70) mendapati bahawa makanan *ḥalāl* berfungsi sebagai pendorong perbuatan baik. Para Rasul telah memakan produk *ḥalāl* dan melakukan amalan baik. Para Rasul pula telah mencerminkan segala kebaikan dalam perkataan,

perbuatan, dakwah, dan nasihat-nasihatnya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Betapa banyak orang yang berambut kusut, berpeluh debu, dan pergi ke sana ke mari menempuh perjalanan jauh, tetapi makanan dan pakaiannya *ḥarām*. Makanan yang diberikan *ḥarām*, dan ia mengangkat kedua tangannya sambil berdoa, “Ya Tuhan ku! Ya Tuhan ku!”. Bagaimanakah mungkin doa orang seperti ini dikabulkan? (Muslim, nombor hadis 6621).

Jadi, bagi umat Islam produk makanan dan barangan lainnya tidak sekadar untuk memenuhi keperluan fizikal, namun didapati matlamat lain yang lebih utama, ialah ibadah dan bukti ketaatan kepada Allah SWT. Memakan sesuatu yang *ḥalāl* boleh menghasilkan sesuatu yang mulia. Seseorang yang membiasakan diri dan keluarganya memakan produk *ḥalāl*, dapat memperoleh cahaya keimanan dalam hatinya (Abdurrahman Ar Rasyid, 2006:4).

Umat Islam perlu mengetahui maklumat yang jelas berkaitan *ḥalāl* dan *ḥarām* suatu produk, seperti makanan, minuman, kosmetik, ubat dan barangan gunaan lainnya. Makanan yang suci dan bersih bebas daripada barangan *ḥarām*, menyihatkan tubuh dan membolehkan orang Islam meningkatkan ibadah dan melaksanakannya dengan lebih sempurna. Hubungan antara makanan dan kesihatan sangat erat, kerana tubuh yang sihat membawa kepada pemikiran yang sihat. Oleh itu, mengenal pasti makanan bagi keluarga adalah tanggungjawab daripada setiap keluarga Muslim (Mohammad Jauhar, 2009:42).

Cara paling mudah untuk memastikan produk *ḥalāl* ialah melalui penggunaan logo *ḥalāl*. Penggunaan logo *ḥalāl* atas produk termasuk masalah serius yang mesti mendapat perhatian. Selain untuk kepentingan kepastian UU, ia juga untuk

memenuhi keperluan pengguna yang semakin kritikal menuntut produk yang digunakannya (Anton Apriyantono, 2007:6). Sebaliknya dalam kalangan orang awam, tidak mudah menentukan status *ḥalāl* sesuatu produk, sekiranya tidak ada jaminan ke atas *ḥalāl*nya produk makanan dan barangan. Sukar sekali bagi orang umum, untuk memilih mana makanan dan barangan yang *ḥalāl* dan mana yang *ḥarām*. Walau bagaimanapun, diperlukan usaha yang sungguh-sungguh untuk mengetahui *ḥalāl* dan tidak *ḥalāl* itu (Anton Apriyantono, 2005:11-12).

Perkara *ḥalāl* dan *ḥarām*, semata-mata merupakan kuasa Allah SWT. Allah SWT yang berkuasa untuk menentukan status *ḥalāl* atau *ḥarām* makanan yang dimakan manusia. Ia tidak akan meng*ḥarām*kan makanan apa pun kecuali yang buruk, dan tidak meng*ḥalāl*kan sesuatu makanan kecuali yang baik-baik sahaja (Fadhlan Mudhafier dan HAF Wibisono, 2005:55-56).

Berkaitan *ḥalāl ḥarām* ini, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006:8) berpendapat diperlukan peranan alim *ulama* untuk menjelaskan *ḥalāl ḥarām* makanan serupa sebagaimana yang disyariatkan. Alim *ulama* mempunyai kewajiban, memutuskan hukum *ḥalāl* dan *ḥarām* dengan berpedoman pada ketetapan *syarak* Islam. Imam Masykoer Alie (2003:163) mengatakan diperlukan *ijtihad* dalam memecahkan masalah yang dihadapi umat Islam masa kini, apalagi produk itu berkaitan dengan produk yang diragui status *ḥalāl*nya (*syubhah*). Misalnya, berkaitan nama bahan dan kod, asal pembuatan, fungsi bahan tambahan produk tertentu.

Setiap Muslim dikehendaki agar sentiasa berwaspada dalam usaha mengelak daripada produk *ḥarām* atau diragui status *ḥalāl*nya. Rasulullah SAW bersabda:

Sesiapa yang berwaspada terhadap perkara-perkara yang diragui, ia telah memelihara agama dan kehormatan dirinya, dan sesiapa yang akur dengan perkara-perkara yang diragui, ia akan tunduk kepada perkara yang dilarang (al-Bukhari dan Muslim, nombor hadis 1599).

Dalam masalah yang diragui (*syubhah*) ini Imam al-Ghazali (2002:38) menjelaskan bahawa Islam memberi garis yang disebut *wara'*, ialah sikap berhati-hati kerana takut berbuat *ḥarām*. Setiap Muslim mesti menjauhkan diri daripada masalah yang diragui ini, hingga dengan demikian tidak terkeliru untuk berbuat yang *ḥarām*.

Jadi, pengguna Muslim bertanggungjawab memenuhi tuntutan *syarak* yang menghendaki setiap bahan makanan dan ramuan yang digunakan benar-benar suci dan tidak *syubhah*. Daripada itu perlu berikhtiar sedaya yang termampu menolak bahan makanan dan ramuan yang diragui status *ḥalāl*nya.

Untuk maksud itu, diperlukan adanya peraturan dan pengawasan yang jelas guna menjamin kepastian *ḥalāl* suatu makanan dan barangan. Umat Islam perlu dibekali dengan pengetahuan yang cukup berkaitan masalah ini. Para ulama mesti bekerjasama dengan para ilmuwan dalam menentukan status *ḥalāl* produk makanan. Perkara ini berlaku, kerana berkaitan produk *ḥalāl-ḥarām* memerlukan pengetahuan mendalam berkenaan asal usul bahan di samping pengetahuan hukum *fiqah*.

Sebagai contoh kesukaran itu menurut Anton Apriyantono (2012), dahulu orang membuat roti cukup dengan menggunakan bahan utama tepung gandum, ragi dan air. Jadi, sekarang tidak cukup hanya dengan bahan utama itu sahaja. Ada tambahan bahan lainnya yang disebut dengan bahan tambahan makanan seperti *shortening* (mentega putih), perasa atau *flavor* (bahan untuk menimbulkan aroma dan rasa

tertentu), dan bahan antigumpal (*anti-caking agent*). Antara bahan tambahan tersebut, bagi orang umum tidak mudah mengetahui asal usulnya. Namun demikian, bagi para pakarnya telah diketahui bahawa antara bahan tambahan makanan itu (misalnya *shortening*) ada yang mengandungi lemak babi atau bahan yang boleh bersumber daripada lemak babi. Bahan itu diperolehi melalui reaksi kimia dengan menggunakan bahan awal salah satu komponen yang bersumber daripada lemak babi.

Daripada kesukaran itu, diperlukan usaha yang keras untuk mengetahui mana yang *halāl*, ialah yang tidak mengandungi unsur babi dan mana yang tidak *halāl*. Itu baru satu contoh perkara sahaja. Boleh dianggarkan sekiranya perkara asal bahan berkaitan dengan bahan-bahan daripada haiwan lainnya (seperti lembu, kambing, kerbau, ayam) yang tidak disembelih dengan pensyaratatan *syarak*. Perkara dimaksudkan lebih sukar lagi. Sekiranya berkenaan dengan cara penyembelihannya, ia menambah pula kesukaran perkara yang ada.

Jaminan kepastian *halāl* suatu makanan dan barangan, boleh diwujudkan antaranya dalam bentuk sijil *halāl* yang menyertainya. Seterusnya dengan sijil itu, pengeluar boleh menunjukkan logo *halāl* kepada bungkusan produknya (Anton Apriyantono, 2007:28). Jadi, untuk mengetahui maklumat *halāl-harām* boleh diketahui melalui amalan logo.<sup>12</sup> Tanpa logo masyarakat sukar mengenal pasti bahan mentah,

---

<sup>12</sup> Ahmad Hussein Sakr (2006:49-50), membahagi kaedah-kaedah umum dalam *halāl-harām* ini antaranya; (1) Dalam Islam, segala sesuatu adalah *halāl* kecuali sekiranya wujud *nash al-Qur'an* dan *hadis* yang meng*harām*kannya; (2) Penentu bahawa sesuatu *halāl* atau *harām* hanyalah Allah SWT semata; (3) Mengubah sesuatu yang *halāl* menjadi *harām* dan *harām* menjadi *halāl* merupakan bahagian daripada perbuatan *syirik*; (4) Sesuatu yang mendatangkan status *harām* ialah *harām*; (5) Sesuatu yang meragukan mesti dihindari; (6) *Harām* itu terlarang bagi sesiapa sahaja, baik Muslim mahupun bukan Muslim; (7) Pengecualian atau *rukhsah* (kelonggaran) diberi dalam keadaan yang khas atau sangat mendesak dan terpaksa; dan (8) Segala sesuatu yang *halāl* adalah baik bagi kesihatan dan segala yang tidak baik bagi kesihatan hampir pasti ialah *harām*.

komposisi dan proses yang dilalui produk makanan dan barangan (Ahmad H. Sakr, 1993:5-6).

Walau bagaimanapun, perlu dicatat logo hanya satu bahagian sahaja daripada sistem pengawasan produk secara keseluruhan. Logo hanya sekadar maklumat yang diberi untuk pemasaran, dan bukan proses pengeluaran. Nura Mayasari (2007:49) berpendapat bahawa cara yang paling mudah diamalkan untuk memilih produk *ḥalāl* ialah dengan melihat ada tidaknya logo *ḥalāl* kepada bungkusannya. Pengeluar mesti terlebih dahulu mendapat sijil *ḥalāl*, baru kemudian berkuasa menggunakan logo *ḥalāl*.

Noriah Ramli (2007) mengatakan pula bahawa penggunaan logo *ḥalāl* kepada produk bertindak sebagai satu mekanisme kawalan bagi membantu pengguna untuk memastikan bahawa makanan tersebut telah mendapat pengesahan daripada kerajaan.

Lebih jauh daripada itu, dalam mekanisme sistem pasaran bebas, logo boleh dipergunakan sebagai alat untuk merangsang pasaran. Tim Kerja Perencanaan Pembangunan Hukum Nasional tentang Teknologi Pengolahan Produk *Ḥalāl* (2007:16-17) mendapati bahawa dalam sistem perniagaan antarabangsa, berkenaan dengan sijil *ḥalāl* dan logo *ḥalāl* produk mendapat perhatian besar kerana boleh melindungi umat Islam.

Seterusnya masalah sijil *ḥalāl* dan logo *ḥalāl* juga penting dalam kerangka ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*),<sup>13</sup> AFTA (*Asean Free Trade Area*),<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> ASEAN (*Asociation of Southeast Asian Nations*) merupakan organisasi dengan anggota negara-negara yang berada di kawasan Asia Tenggara. ASEAN dibentuk ketika 5 (lima) negara ialah

NAFTA (*The North American Free Trade Agreement*),<sup>15</sup> dan EEC (Masyarakat Ekonomi Eropah),<sup>16</sup> bahkan WTO (Organisasi Perniagaan Antarabangsa).<sup>17</sup> Jadi, “logo atau tanda *halāl*” pada suatu produk menjadi salah satu instrumen penting untuk mendapatkan kebolehpercayaan pasaran guna meningkatkan daya saing produk domestiknya di pasaran antarabangsa.

‘Abdul Hamid Mahmud Thihmaz (2001:69) berpandangan bahawa sistem pengawasan produk melalui logo berfungsi membaiki pasaran dengan cara memberi maklumat kepada masyarakat. Pemberian maklumat itu penting kerana memiliki kaitan dengan perlunya menetapkan hukum *halāl* dan *harām* dalam Islam.

Berkenaan dengan sistem pengawasan produk *halāl* ada yang berpandangan agar kerajaan sebaiknya menetapkan bahawa setiap produk mesti berlogo *halāl*.<sup>18</sup> Misalnya Rani Andriani Koswara (2007:12) memberi saranan bahawa mengingat majoriti penduduk Indonesia adalah Muslim, sijil *halāl* dan logo *halāl* dalam produk

---

Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand melakukan pertemuan di Bangkok. Semasa anggota ASEAN adalah Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kamboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam.

<sup>14</sup> ASEAN Free Trade Area (AFTA) ditubuhkan oleh negara-negara anggota ASEAN. Matlamatnya adalah untuk membentuk suatu kawasan bebas perniagaan sekali gus meningkatkan daya saing ekonomi kawasan regional. AFTA dibentuk pada waktu Konferensi Tingkat Tinggi (KTT) ASEAN ke IV di Singapura tahun 1992.

<sup>15</sup> NAFTA merupakan bentuk suatu organisasi kerjasama perniagaan bebas negara-negara Amerika Utara: Amerika Syarikat, Kanada dan Meksiko. NAFTA didirikan pada tarikh 12 Agustus 1992 di Washington DC. NAFTA dirasmikan pada tarikh 1 Januari 1994.

<sup>16</sup> Masyarakat Ekonomi Eropah (MEE) atau *European Economic Community* (EEC) ditubuhkan pada tahun 1957 kelompok perniagaan enam negara, ialah Belgium, Franc, Germany, Italia, Luxemburg, dan Belanda. Negara tambahan yang masuk dalam MEE adalah Swedia, Finlandia, Estonia, Latvia, Lituania, Polandia, dan Denmark.

<sup>17</sup> Organisasi Perdagangan Antarabangsa (WTO = *World Trade Organization*) ialah organisasi antarabangsa yang mengawasi persetujuan yang mendefinisikan "aturan perniagaan" anggotanya. Ditubuhkan pada 1 Januari 1995.

<sup>18</sup> Tim Kerja Perencanaan Pembangunan Hukum Nasional tentang Teknologi Pengolahan Produk *Halāl* mendapati (2007:7) bahawa respons atas masalah JPH, semasa ini Dewan Undangan Negara/DPR mengambil prakarsa untuk menyusun RUU JPH. Penyusunan Naskah Akademik disokong oleh kajian perbandingan UU yang dibentuk dan dikembangkan organisasi Islam peringkat regional (MABMIS) dan antara bangsa (CODEX) Alimentarius Tahun 1997, sistem pengawasan di negara lain (Australia, Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Brunei).

makanan dan barangan ialah bersifat wajib. Jadi, ada UU atau peraturan berkenaan yang menetapkan bahawa ketetapan sijil *ḥalāl* menjadi wajib.<sup>19</sup>

Masalahnya menurut Anton Apriyantono dan Nurbowo (2007:6) walaupun majoriti penduduk Indonesia beragama Islam, namun UU dan pengawasan yang berlaku di Indonesia belum mewajibkan para pengeluar untuk menyediakan makanan dan barangan berlogo *ḥalāl*. Jadi, bagi kalangan pengeluar yang ingin menunjukkan logo *ḥalāl* ke atas produknya, ada kewajiban untuk memeriksakan produknya itu ke institusi yang berkuasa. Perkara ini berlaku agar status *ḥalāl* ke atas produknya boleh dibuktikan kebenarannya.

Ketetapan ini boleh bererti bahawa setiap produk yang tidak menunjukkan logo *ḥalāl* digolongkan sebagai barangan *ḥarām* dan tidak boleh digunakan umat Islam. Model ini tentu sahaja boleh memaksa pengeluar yang belum memperoleh sijil *ḥalāl* untuk segera mendaftarkan kepada institusi yang berautoriti. Perlunya sijil *ḥalāl* dan logo *ḥalāl* mengingat majoriti penduduk Indonesia beragama Islam dan merupakan pengguna terbesar bagi semua produk makanan dan barangan.

Fadhlan Mudhafier dan HAF Wibisono (2005:128-135) mengemukakan bahawa setiap Muslim berkeinginan memakan produk *ḥalāl* dan *ṭayyīb*.<sup>20</sup> Jadi, bagi umat

---

<sup>19</sup> Adanya pandangan bahawa yang diperlukan itu bukan sijil *ḥalāl* melainkan sijil *ḥarām*, sehingga produk yang tidak diberi sijil bererti produk tersebut ialah *ḥalāl*. Pandangan demikian tidak boleh diterima kerana yang diperintah untuk dimakan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW ialah makanan *ḥalāl* lagi baik (*ḥalālān ṭayyīban*). Makanan *ḥalāl* baru boleh diketahui selepas dilakukan kajian dan pemberian fatwa tentang status *ḥalāl*nya. Apalagi semasa ini, ketika perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi sedemikian maju sehingga suatu produk yang bersumber barangan yang suci atau *ḥalāl*. Jadi, tidak tertutup kemungkinan dalam proses pembuatannya atau medianya bercampur dengan bahan yang tidak suci atau *ḥarām*. Selain itu, pemberian sijil *ḥarām* mengandungi pengertian bahawa produk yang lainnya ialah *ḥalāl* dan itu tidak dibenarkan kerana belum melalui proses pengkajian (Imam Masykoer Alie, 2003:262).

Islam kepastian berkenaan *ḥalāl* makanan ialah masalah *akidah*. Makanan *ḥalāl* membuat orang yang memakannya berperilaku baik dan benar. Sebaliknya, memakan produk *ḥarām* bererti membuatnya bertingkah laku buruk, baik terhadap diri sendiri, sesama manusia, mahupun kepada Allah SWT.

Untuk itu, tentu sahaja diperlukan usaha memasyarakatkan, hingga gaya hidup *ḥalāl* menjadi sesuatu yang penting dalam keperibadian Muslim. Umat lain pun, memiliki terminologi dan kriteria '*ḥalāl*' sendiri. Misalnya, bagi penganut agama Yahudi. Mereka sangat ketat dalam pemakanan. Mereka mempunyai sijil *kosyer*<sup>21</sup> untuk menjamin setiap produk yang mereka gunakan sesuai dengan kriteria keyakinan agamanya. Pengeluar mahu tidak mahu mesti menunjukkan sijil *kosyer* sekiranya ingin produknya boleh dipasarkan kepada komuniti Yahudi.

Makanan dan barangan *ḥalāl* ke atas produk, akan menenteramkan penggunaanya. Produk *ḥalāl*, tidak sahaja memenuhi keperluan aspek keimanan dan ketakwaan, namun juga terpelihara daripada segi kualiti dan kebersihannya. Produk *ḥalāl* bererti layak digunakan secara *syarak*. Kandungannya tidak membahayakan kesihatan, dan bersih dalam prosesnya. Oleh itu, produk yang menunjukkan sijil *ḥalāl* sangat diharap dan dicari pengguna Muslim.<sup>22</sup>

---

<sup>20</sup> *Tayyīb* bererti berzat, baik, sihat, mententeramkan, dan paling utama (Aisjiah Girindra, *Halālan Ṭayyībān*, melalui <http://www.halalguide.info/view/396>), diakses pada tarikh 25 November 2011.

<sup>21</sup> *Kosyer* ialah institusi *ḥalāl* bangsa Yahudi. Panduan logo *kosyer* ialah kaedah-kaedah hukum Yahudi. Hukum Yahudi membolehkan alkohol, anggur dan gelatin. Namun, melarang memakan anab, burung liar, ikan yang tidak bersirip atau bersisik (Zaheer Uddin, 2000:5-6, Mohammad Jauhar, 2009).

<sup>22</sup> Menurut hasil survei Indohalal.com, Yayasan *Halālan Ṭayyībān* dan LP. POM tahun 2002, 77.6 peratus responden memilih jaminan *ḥalāl* sebagai pertimbangan pertama dalam membeli produk. 93.9 peratus bersetuju sekiranya kepada setiap bungkusan barangan memiliki sijil *ḥalāl*. Survei *Frontier* tahun 2001, 57.9 peratus pengguna sentiasa memperhatikan logo *ḥalāl*. 86 peratus pengguna ingin logo *ḥalāl* diwajibkan (Anton Apriyantono dan Nurbowo, 2003:2-3).

Di Persatuan Eropah, walaupun jumlah penduduk Muslimnya minoriti, perkara sijil *ḥalāl* mendapat perhatian besar. Ini berlaku kerana daya beli yang tinggi seperti di Perancis dan Belanda. Muslim di Perancis membelanjakan 30 peratus penghasilannya untuk produk *ḥalāl*. Kuantiti penggunaan makanan ke atas daging sekitar 400 ribu metrik ton setahun. Di Belanda, produk *ḥalāl* selain digunakan pengguna Muslim, juga digunakan bukan Muslim (Ranti Wiliasih, 2008).

Di pelbagai negara, logo *ḥalāl* standard<sup>23</sup> ini telah diamalkan dengan baik, misalnya di Malaysia.<sup>24</sup> Mereka punya logo *ḥalāl* khusus sebagai tanda bahawa suatu produk telah mempunyai sijil pengesahan *ḥalāl* daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Institusi ini memiliki autoriti guna menyediakan garis panduan produk *ḥalāl*. Garis panduan itu, merangkumi prosedur pemeriksaan, pengesahan dan permohonan sijil *ḥalāl*, kelulusan, syarat-syarat, pemantauan dan penguatkuasaan (Zaim Saidi, 1996:145). Logo *ḥalāl* Malaysia itu berbentuk bulat dengan bingkai segi enam, serta tulisan *Ḥalāl* dan Malaysia. Produk yang mempunyai logo *ḥalāl* bererti sudah dijamin *ḥalāl*nya oleh JAKIM. Dengan cara itu, masyarakat boleh membezakan produk dengan mudah. Tambahan pula pada tahun 2004 Malaysia telah mengeluarkan standard *ḥalāl* MS1500:2004 (Zulkifli Hasan, 2008). Di Malaysia, sijil *ḥalāl* sudah wujud sejak tahun 1982.

---

<sup>23</sup> Logo *ḥalāl* standard adalah logo dengan jaminan tanda *ḥalāl*/maklumat *ḥalāl* rasmi yang diakui dan kerajaan menetapkan standard rasmi ke atas maklumat atau logo *ḥalāl* tersebut (Bagian Projek Sarana dan Prasarana Produk *Ḥalāl*, Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji, Departemen Agama, 2003:64-65).

<sup>24</sup> Di Malaysia, semasa ini telah dibentuk badan yang bertugas mendorong industri *ḥalāl*, ialah *Halāl Industry Development Corporation* (HIDC). Ada tiga matlamat utama badan ini. Antara matlamat itu ialah (1) mengintegrasikan industri *ḥalāl* dalam bentuk standard/seragam, (2) membuat peraturan dan sijil, (3) pembangunan kapasiti bermaksud meningkatkan perniagaan dan pengeluaran produk dan jasa *ḥalāl*. (Sucipto, 2008).

Walau bagaimanapun di Indonesia, berlaku ketetapan bahawa yang boleh menggunakan logo *halāl* hanya bagi pengeluar yang benar-benar mempunyai logo *halāl* (yang sijil *halāl* dikeluarkan oleh institusi yang berkuasa). Sesiapa pun yang menggunakan logo *halāl* tanpa kelulusan daripada institusi yang berautoriti, dianggap bercanggah dengan UU. Badan usaha tidak boleh berbuat semahunya menggunakan logo *halāl*, kerana melanggar peraturan perundangan.

Kewujudan logo *halāl* standard membuat pengguna semakin selesa dan mudah dalam memilih produk *halāl*. Pengguna tidak mesti melihat senarai produk bersijil *halāl*, kerana dengan mudah boleh melihat kepada bungkusan. Makanan dan barangan dengan logo *halāl* standard menunjukkan kepastian *halāl* yang dijamin oleh institusi sijil *halāl* daripada kerajaan.

Logo *halāl* standard ini juga sesuai di beberapa negara lain, seperti Singapura. Memang kerajaan Singapura menegaskan bahawa negaranya sekular, namun kepentingan umat Islam soal produk *halāl* terjaga. Selain itu, kerajaan secara langsung mengeluarkan sijil dan logo *halāl*, yang dalam bahasa Melayu disebut sijil. Institusi yang mengeluarkan sijil *halāl* di Singapura adalah MUIS (Majlis Ugama Islam Singapura), dibina semenjak 1968 bertakluk di bawah kementerian pembangunan masyarakat. MUIS merupakan badan tunggal yang mengeluarkan sijil *halāl*.

MUIS boleh mengeluarkan sijil *halāl* berkaitan apa-apa produk, perkhidmatan atau aktiviti dan membuat peraturan untuk pemegang sijil *halāl* bagi memastikan syarat-syarat dalam UU Islam dipenuhi masa pengeluaran, proses, pemasaran atau

pengiklan produk, peruntukan perkhidmatan yang dijalankan ke atas aktiviti tersebut. Dalam penyelidikan terhadap produk *ḥalāl*, MUIS bekerjasama dengan *Singapore Institute of Standard and Industrial Research* (SISIR). SISIR bertakluk di bawah jabatan perniagaan dan industri.

Di Amerika Syarikat, ada UU yang mengatur makanan *ḥalāl* bagi orang Yahudi, disebut *Kosyer Law*.

Pengawasan ini tidak begitu memasyarakatkan, kecuali di negara bahagian yang banyak penduduk Yahudi. Produk berlogo *ḥalāl* Yahudi ini, diberi tanda huruf ‘U’ dalam lingkaran. Walau bagaimanapun, logo *ḥalāl* orang Yahudi ini, penggunaanya bukan hanya Yahudi namun juga kaum Muslim dan *Advent*.<sup>25</sup>

*Kosyer law* ini ialah satu UU menjurus makanan yang lebih kurang sama seperti kepastian *ḥalāl* dalam Islam. Walau bagaimanapun, *ḥalāl* dan *kosyer* tidak selamanya serupa. Antara kedua-duanya, diperoleh perbezaan yang signifikan antara *ḥalāl* dan *kosyer*. Menurut *syarak*, *ḥalāl* bukan sahaja menyangkut apa yang boleh dimakan dan apa yang tidak boleh dimakan. *Ḥalāl* juga berkenaan dengan prasyarat haiwan yang disembelih, cara menyembelih, ritual penyembelihan, persiapan makanan sebelum dihidangkan dan lain-lain.

---

<sup>25</sup> *Advent* adalah termasuk aliran yang ada dalam agama Kristian. Jesus menurut mereka ialah sekadar nabi dan mereka tidak pernah merayakan natal hanya tahun baru. Bagi penganut *Advent ḥarām* untuk merokok, minum *khamar* (minuman keras), makan babi-anjing, haiwan dua alam (seperti udang-ketam-katak dan lain-lain). Ritual keagamaan mereka banyak berbeza dengan aliran Kristian lainnya (Dina Esterina, *Gereja Advent Hari Ketujuh, Christian Science, Saksi Jehova, dan Mormon Apa dan Bagaimana?* melalui [www.dinaesterinastories.blogspot.com/.../gereja-advent-hari-ketujuh-christian](http://www.dinaesterinastories.blogspot.com/.../gereja-advent-hari-ketujuh-christian), diakses pada tarikh 10 Agustus 2009).

Oleh itu, makanan *halāl* menurut syarak, mempunyai pensyaran sesuai dengan ketetapan berikut:

1. Haiwan mesti hidup dan sihat semasa penyembelihan.
2. Haiwan yang disembelih mesti haiwan yang *halāl* untuk disembelih.
3. Semua darah mesti keluar daripada badan haiwan setelah disembelih.
4. Penyembelih ialah seorang Muslim.
5. Penyembelihan mesti dengan pisau yang sangat tajam dan mesti sekali sembelih.
6. Setiap menyembelih haiwan mesti menyebutkan *bismillahirrahmanirrahim*.
7. Proses penyimpanan makanan *halāl*, tidak boleh bercampur dengan makanan yang *harām*.<sup>26</sup>

Sekiranya di dalam *kosyer* Yahudi, peraturan umumnya seperti berikut:

1. Haiwan yang disembelih mesti haiwan yang *kosyer* (yang dibolehkan dalam hukum makanan Yahudi).
2. Seperti halnya dalam *halāl*, dalam *kosyer* haiwan yang disembelih mesti dalam keadaan hidup dan sihat semasa disembelih.
3. Darah haiwan yang disembelih mesti mengalir keluar.
4. Dalam *kosyer* ada pelbagai bahagian daripada haiwan yang tidak boleh dimakan.
5. Khusus untuk buah dan sayuran, mesti diperiksa dulu agar tidak ada hama yang ikut termakan.
6. Pengucapan nama Tuhan (mirip seperti *bismillahirrahmanirrahim* dalam agama Islam) cukup sehari sekali untuk seluruh haiwan yang akan disembelih pada hari itu.
7. Dalam *kosyer*, daging dan susu (juga jenis produk yang terbuat daripada susu seperti keju, mentega, dan lain-lain) tidak boleh dicampuri, baik dalam penyimpanannya mahupun semasa memakannya. Oleh itu, makanan seperti *cheeseburger* adalah tidak *kosyer* (tidak boleh) menurut agama Yahudi (pelbagai *mazhab* Yahudi bahkan ada yang tidak membolehkan ikan dicampuri dengan daging).
8. Produk-produk anggur yang tidak dibuat oleh orang Yahudi tidak boleh dimakan.

---

<sup>26</sup> Yari NK, *Perbedaan dan Persamaan Halāl Islam dan Kosher Yahudi*, melalui, <http://spektrumku.wordpress.com/2007/10/03/perbedaan-dan-persamaan-halal-islam-dan-kosher-yahudi/>, diakses pada tarikh 19 September 2012

Untuk lebih jelasnya, persamaan dan perbezaan antara *ḥalāl* dan *kosyer* boleh dilihat kepada Jadual 1.1.

Jadual 1.1  
 Persamaan dan Perbezaan Antara *Ḥalāl* dan *Kosyer*

No.	Jenis Makanan	Halal Islam	Kosyer Yahudi
1	Babi	Tidak Boleh	Tidak Boleh
2	Lembu, domba, Kambing, dan lain-lain	Boleh	Boleh, tapi hanya bahagian depan saja
3	Ayam	Boleh	Boleh
4	Arnab	Boleh	Tidak Boleh
5	Ayam Hutan, Itik, Angsa	Boleh	Tidak Boleh
6	Alkohol	Tidak Boleh	Boleh
7	Gelatin	Boleh, asal daripada haiwan <i>ḥalāl</i>	Boleh, meskipun daripada haiwan bukan kosher
8	Keju	Boleh asal enzim yang digunakan bersumber daripada haiwan <i>ḥalāl</i>	Boleh, enzim daripada haiwan apa pun (asal tidak tercampur daging)
9	Haiwan Amfibia	Tidak Boleh	Tidak Boleh
10	Burung Pemangsa	Tidak Boleh	Tidak Boleh
11	Haiwan Karnivor	Tidak Boleh	Tidak Boleh
12	Haiwan Laut	Boleh	Boleh, namun hanya yang bersirip dan bersisik sahaja. Jadi, haiwan laut seperti kerang dan sotong tidak boleh
13	Tumbuhan Laut	Boleh	Boleh
14	Darah	Tidak Boleh	Tidak Boleh

Sumber: Yari NK, 2007. *Perbedaan dan Persamaan Halal Islam dan Kosher Yahudi* <http://spektrumku.wordpress.com/2007/10/03/perbedaan-dan-persamaan-halal-islam-dan-kosher-yahudi/>, diakses pada tarikh 19 September 2012

Sememangnya terdapat perbezaan *ḥalāl* dan *kosyer*. Logo *ḥalāl* panduannya ialah kaedah *syarak* Islam, sedangkan logo *kosyer* berpanduan kepada kaedah Yahudi. *Syarak* meng $\text{ḥ}ar\mathring{a}m$ kan memakan alkohol, anggur, dan gelatin, sedangkan Yahudi membolehkannya. *Syarak* membolehkan memakan arnab, unggas liar, ikan yang tidak bersirip atau bersisik, sedangkan Yahudi melarangnya untuk dimakan (Zaheer Uddin, 2000:5-6, Mohammad Jauhar, 2009).

Di Indonesia pula, berkenaan dengan pengawasan produk *ḥalāl*, sehingga masa tahun 80-an masih belum mendapat perhatian daripada kerajaan. Beberapa kes telah berlaku berkaitan dengan produk *ḥalāl* yang mengelirukan pengguna. Antara kes itu seperti kes daging/lemak babi,<sup>27</sup> ajinomoto,<sup>28</sup> ayam bangkai,<sup>29</sup> dan sebagainya<sup>30</sup> (Thobieb Al-Asyhar, 2003:7-38). Keadaan ini merupakan tonggak penting guna mewujudkan perlunya sijil *ḥalāl*.

Oleh itu, menurut Anton Apriyanto (2005:70-78) untuk mendapatkan makanan dan barangan *ḥalāl*, boleh dilaksanakan pelbagai langkah. Pertama; wujudnya UU berkaitan dengan Jaminan Produk *Ḥalāl* (JPH). Kedua; wujudnya pihak berkuasa yang mampu memeriksa ke*ḥalāl*an suatu produk atau barangan. Ketiga; pihak kerajaan menyusun senarai bahan mentah dan bahan penambah yang sudah diperiksa status *ḥalāl*nya. Keempat; wujudnya suatu standard dan Sistem Jaminan *Ḥalāl* (SJH).

Di Australia pengesahan *ḥalāl* dilaksanakan 2 (dua) institusi ialah Perwakilan Umat Islam se-Australia (AFIC), dan institusi bukan kerajaan *Ḥalāl Certificate Services Ltd*

---

<sup>27</sup> Kes lemak babi pada era tahun 1980-an, ialah kandungan gelatin terdapat pada pelbagai produk makanan. Ketika itu Dr. Tri Soesanto, Dosen Teknologi Pangan Universitas Brawijaya, Malang, melakukan kajian dan menemukan banyaknya makanan yang memakai bahan daripada babi. Kajian dilakukan ke atas produk-produk yang ada di pasar raya, layan diri atau pasar tradisional. Kajian dilakukan khususnya ke atas produk yang memakai gelatin, lemak babi dan alkohol (Pusat Informasi, Pendidikan dan Komunitas *Ḥalāl Tōyyibān*, 2014).

<sup>28</sup> Menurut Sopa (2008:6) kes Ajinomoto ini berlaku pada akhir tahun 2000. Perkaranya bermula daripada bahawa selepas memperoleh sijil *ḥalāl* daripada LPPOM pada tarikh 30 September 1998, pihak pengerusi ajinomoto mengubah proses produksi dengan menggunakan *bactosoytone* sebagai katalisator dalam menumbuhkan bakteria yang dicurigai bersumber daripada pankreas babi. Akhir sekali, MUI membatalkan sijil *ḥalāl* yang telah dikeluarkan sebelumnya. Selanjutnya, menyatakan *ḥarām* produk ajinomoto dimaksudkan.

<sup>29</sup> Perniagaan bangkai ayam di pasaran tradisional. Ayam biasanya dijual sudah dipotong-potong dan disebatikan dengan bumbu berwarna kuning, sehingga warna pucat daging ayam tersebut terselindung (Pusat Informasi, Pendidikan dan Komunitas *Ḥalāl Tōyyibān*, 2014).

<sup>30</sup> Semenjak tahun 1999, LP. POM mesti memandu umat Islam mengenai *ḥalāl-ḥarām* makanan. Banyak kes yang berkenaan dengan keyakinan agama, misalnya kes ayam *import*, ayam yang di*import* tidak berbentuk ayam utuh, melainkan dalam bentuk paha dan bersumber daripada Amerika Syarikat (Nur Fahmi, 2011:87-88).

(HCS). Institusi ini berperan dalam memenuhi keperluan umat Islam Australia mahupun untuk mengirim produk ke luar negara guna mendapat kelulusan sijil *ḥalāl*.

Negara Brunei telah pula melaksanakan pengeluaran Perintah Sijil *Ḥalāl* dan Logo *Ḥalāl* pada tahun 2005, ke atas makanan yang berproses, dan pengasingan tempat penyimpanan makanan bagi tempat perniagaan. Pihak yang mengeluarkan Sijil *Ḥalāl* dan Logo *Ḥalāl* ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Di Thailand pula, institusi yang mengeluarkan sijil *ḥalāl* ialah *The Central Islamic Committee of Thailand*. Di Filipina dikuasakan oleh *Islamic Da'wah Council of The Philippines* (Mian N. Riaz dan Muhammad M. Chaudry, 2003, Sopa, 2008). Di kawasan Amerika Utara, sijil *ḥalāl* berada di bawah kuasa IFANCA (*Islamic Food and Nutritious Council of America*) dan di Canada dikeluarkan oleh HMA (*Halal Monitoring Authority*). Di Belanda dikeluarkan oleh HFFF (*Halāl Food and Feed Foundation*). Di New Zealand sebagai pengeksport daging haiwan terbesar di dunia mempunyai 2 (dua) institusi yang mengeluarkan sijil *ḥalāl* yang diakui kerajaan, ialah FIANZ (*Federation of Islamic Association of New Zealand*) dan NZIMM (*New Zealand Islamic Meat Industry Association*). Di Jepun pula, yang berautoriti mengeluarkan sijil *ḥalāl* ialah JMA (*Japan Moslem Association*) (Sopa, 2008, R. Ashari, 2006).

Ketetapan logo *ḥalāl* ini berkaitan dengan institusi yang mengeluarkan sijil *ḥalāl*. Misalnya, *Islamic Food and Nutrition Council of America (IFANCA)* mensyaratkan logo "croissant M" sebagai tanda bahawa produk tersebut telah diberi sijil *ḥalāl*.

*Halāl Food and Feed Foundation (HFFF)* mensyaratkan logo *halāl* dengan gambar khusus menyerupai bukit dengan bulan sabit dan tulisan *halāl* ke atas produk yang telah diberi sijilnya. Oleh itu, sekali lihat sahaja, pengguna akan mudah mengenali produk yang diberi sijil *halāl*.

Indonesia dengan penduduk Muslim terbesar di dunia,<sup>31</sup> belum boleh menerapkan logo *halāl* standard. Oleh itu, Institusi Pengkajian Makanan, Ubat-ubatan dan Kosmetik Majlis Ulama Indonesia/Lembaga Pengkajian Pangan, Ubat-ubatan dan Kosmetik (LP. POM) bersama Suruhanjaya Fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) sudah menyarankan supaya ada ketetapan logo *halāl* standard semenjak beberapa tahun lalu. Logo *halāl* itu menunjukkan logo MUI sebagai pihak yang mengeluarkan sijil *halāl*.<sup>32</sup> Sijil *halāl* MUI bermatlamat memberi maklumat yang boleh dipertanggungjawabkan secara UU dan moral kepada pengguna Muslim, bahawa produk itu *halāl* untuk dimakan.

Sebab itu, penting untuk mempertimbangkan kewajipan penggunaan standard dan logo *halāl* ke atas setiap produk makanan dan barangan disertai hukuman. Dengan cara seperti logo *halāl* tidak disimpangkan oleh pengeluar. Apalagi daripada 11,500-an produk makanan dan barangan secara realiti hanya 20 peratus mempunyai sijil *halāl* dan dapat menunjukkan logo *halāl* daripada MUI. Jadi, bakinya sebanyak 80 peratus belum menunjukkan logo *halāl*, sehingga masih sangat diragukan kepastian

---

<sup>31</sup> Indonesia mempunyai penduduk Muslim terbesar di dunia. Menurut estimasi berjumlah sebanyak 237.600.000 juta jiwa, 88,2% daripada seluruh penduduknya, atau 12.9% daripada populasi Muslim antarabangsa, Badan Pusat Statistik, *Laporan Bulanan Data Sosial Ekonomi*, melalui [www.bps.go.id/download\\_file/IP\\_September\\_2013.pdf](http://www.bps.go.id/download_file/IP_September_2013.pdf), diakses tarikh 29 November 2013).

<sup>32</sup> *Halal Certification Expands Your Business Market*, melalui <http://www.halalguide.info/content/view/396/67/>, diakses tarikh 25 November 2011

*halāl* produk itu.<sup>33</sup> Para pengguna memang mempunyai autoriti penentu bagi memutuskan sama ada bahan makanan dan ramuan yang dibeli memenuhi cita rasa dan kehendak mereka daripada segi kualiti dan kesihatan.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, terdapat realiti yang belum dapat memberi perlindungan UU bagi hak umat Islam untuk hidup sihat dan memakan produk *halāl* selari ketetapan *syarak*.<sup>34</sup>

Kewujudan UU dan peraturan berkaitan dengan logo *halāl*, belum selari dengan kehendak umat Islam yang mempunyai perhatian besar atas *halāl*nya suatu produk. Ditambahi pula dengan masih sedikit maklumat mengenai bahan atau produk, baik yang dimakan mahupun yang digunakan, sama ada ia diperolehi dalam senarai barangan *halāl* atau tidak daripada pihak yang memiliki autoriti (Modul Pelatihan Auditor Internal *Halāl*, 2003).

Bahkan, banyak pengeluar yang mempamerkan logo *halāl*, tetapi pengguna terkeliru kerana mengandungi tipu muslihat (Noriah Ramli, 2009, Sri Nuryati, 2008). Ertinya, ada pelbagai produk makanan ke atas bungkusannya telah menunjukkan tulisan *halāl*, namun masih diragui hakikat *halāl*nya. Sebab belum ada dilakukan penyelidikan produk tersebut (Imam Masykoer Ali, 2003).

---

<sup>33</sup> Lihat *Halal Certification Expands Your Business Market*, melalui <http://www.halalguide.info/content/view/396/67> dan Hanibal W.Y. Wijayanta, et. al. *Menengok Label Halal Di Berbagai Negara*, melalui <http://www.forum.co.id/forum/redaksi/961230/30forsus4.html>, diakses pada 20 September 2010, memperkenalkan siji dan logo makanan *halāl* di mancanegara diatur kerajaan atau komuniti Muslim. Landasannya komitmen ialah moral, bukan perniagaan.

<sup>34</sup> Selari ketetapan Pasal 28E ayat (1) UUD 1945, kerajaan wajib membekali penduduknya untuk melaksanakan keyakinan sesuai dengan agamanya, khususnya ke atas *halāl*nya suatu produk. Pengguna Muslim berhak mendapatkan jaminan bahawa produk makanan yang berlogo *halāl* ialah proses yang tulen dan selamat.